

PENENTUAN CIRI NEGARA ISLAM MENURUT PEMIKIRAN EMPAT MAZHAB FIQAH (Determining The Characteristics Of An Islamic Country From The Perspectives Of Four Schools Of Jurisprudence)

¹MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM

^{1, 2}EZAD AZRAAI JAMSARI

²MOHAMAD ZULFAZDLEE ABUL HASSAN ASHARI

¹MOHD AL-ADIB SAMURI

¹SALMY EDAWATI YAACOB

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

² Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK

Penentuan ciri-ciri sesebuah negara Islam merupakan suatu perkara yang begitu kompleks sehingga menjadi isu perbalahan dalam kalangan ahli politik. Ini berikutan perselisihan para fuqaha dalam mendefinisikan sebuah negara Islam yang sebenar berdasarkan pentafsiran mereka terhadap dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti pemikiran empat mazhab fiqah yang muktabar, iaitu Hanafi, Maliki, Shafie dan Hanbali dalam membahaskan isu penentuan sesebuah negara Islam. Di samping itu, kajian turut menyediakan mekanisme dalam penentuan sesebuah negara Islam berpaksikan pemikiran empat mazhab fiqah tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi instrumen pengumpulan data dan analisis kandungan berasaskan kaedah perbandingan dan pentarjihan. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat dua jenis ciri dalam menentukan status sebuah negara Islam, iaitu ciri minimum dan maksimum. Keempat-empat mazhab fiqah bersepakat bahawa ciri minimum bagi menentukan sesebuah negara itu sebagai negara Islam atau sebaliknya ialah sebuah negara yang dipimpin dan ditadbir oleh orang Islam. Manakala ciri maksimum pula, keempat-empat mazhab fiqah

mempunyai pandangan yang berbeza antara satu sama lain. Kepentingan kajian ini dapat membantu untuk menyelesaikan perselisihan yang berlaku dalam kalangan ahli politik ketika penentuan status sesebuah negara Islam. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan membincangkan hukum penglibatan pihak bukan Islam dalam sebuah pemerintahan negara Islam. Kerjasama kalangan Muslim dan bukan Islam perlu diteliti secara holistik dalam menjamin perpaduan masyarakat dan keharmonian dalam sebuah negara, demi menjamin kestabilan dan keamanan dalam pembangunan sebuah negara berdaulat.

Kata kunci: negara Islam, Mazhab Fiqah, Hanafi, Shafie, Hanbali

ABSTRACT

The determination of the characteristics of an Islamic state is a complicated matter, hence creating a controversial issue among the political leaders. This is due to the different opinions of the jurists on their interpretations of the Quranic verses and the Prophetic sayings, especially when they elaborate those sacred sources' meaning of a true Islamic state. The objective of this writing is to examine the thoughts of the four most reliable schools of jurisprudence (fiqah) in Islam and their each argument in relation to the determination of characteristics of an Islamic state in particular. In addition, the study also provides a mechanism of determination of an Islamic state and the instrument is stemmed from those four schools of fiqah. This research employed qualitative methods that consist of data collection and content analysis in which the methods of making comparison and exercising preference (tarjih) are used. Findings show that there are two types of features in determining the status of an Islamic state, namely the minimum characteristic and the maximum one. All the four schools of jurisprudence unanimously agree that the minimum characteristic to determine whether a country is an Islamic state or not is it should be led and governed by the Muslims. As far as the maximum characteristic is concerned, the four schools of fiqah have different view of points. This study implies that it may help resolving disputes between political leaders when they need to determine the status of an Islamic state. Further research may be conducted to discuss the Islamic law concerning the involvement of non-Muslims in an Islamic state. The cooperation among the Muslims and the non-Muslims should be examined holistically to ensure social solidarity and harmony in the country while promoting stability and peace in developing the sovereign state.

Keywords: Islamic state, school of fiqah, Maliki, Hanafi, Shafie, Hanbali

PENDAHULUAN

Kategori negara atau *al-dawlah* di sisi para fuqaha terbahagi kepada tiga kategori, iaitu *al-dawlah al-Islamiyyah*, *al-dawlah al-harbiyyah* atau *al-kuffar* dan *al-dawlah al-'ahdiyyah* (al-Zuhayli 1998). Pada masa yang sama, mereka saling berbeza pendapat dalam menentukan sesebuah negara itu adakah ia sebuah negara Islam atau selainnya. Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisis setiap pandangan fuqaha dalam pentakrifan sesebuah negara itu sama ada sebuah negara Islam, kafir ataupun sebuah negara *al-'ahdiyyah*. Kajian ini turut membahaskan beberapa topik seperti ciri-ciri ketiga-tiga negara tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan bentuk penyelidikan perpustakaan yang melibatkan metode pengumpulan data seperti dokumentasi dan persejarahan. Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan perbandingan, terutamanya melibatkan aspek aplikasi dalam pemerintahan di sesebuah negara khususnya negara Islam. Maka daripada kajian ini segala kecelaruan terhadap konsep dan prinsip sebuah negara Islam dapat diselesaikan hasil dari pemurnian pandangan ulama. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti pemikiran empat mazhab fiqah yang muktabar, iaitu Hanafi, Maliki, Shafie dan Hanbali dalam membahaskan isu penentuan sesebuah negara Islam. Di samping itu, kajian turut menyediakan mekanisme dalam penentuan sesebuah negara Islam berpaksikan pemikiran empat mazhab fiqah tersebut.

AL-DAWLAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Menurut *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam* (1987), perkataan *al-dawlah* berasal daripada perkataan *dala-yadulu-dawlatan*, yang bermaksud geografi sesebuah kawasan, daerah atau negara di mana ia akan didiami dan ditadbir oleh segolongan manusia sama ada daripada bangsa yang satu atau berbilang bangsa. Perkataan *al-dawlah* juga sama ertinya dengan perkataan *al-bilad*, yang bermaksud daerah penempatan sekumpulan manusia dan ia ditadbir oleh golongan tersebut. Sebagai contoh, penggunaannya dalam bahasa Arab ialah seperti: *al-Dawlah al-Maliziyyah* yang bermakna negara Malaysia. *Al-Dawlah* juga memberi pengertian *state*, *body politic*, *country*, *nation* (al-Ba'albakkii 1988). Dari sudut istilah pula ia merujuk kepada sekumpulan manusia yang ramai. Mereka ini hidup di kawasan-kawasan yang terdapat di muka bumi ini secara tetap. Mereka sekaligus akan membuat dan meletakkan undang-undang serta pentadbiran bagi melancarkan lagi kehidupan masyarakat yang bernaung di bawah pemimpin yang mentadbir negara tersebut (Muhammad 1986).

TUJUAN DAN PERANAN NEGARA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Islam adalah satu agama yang syumul dan menyeluruh dari semua aspek kehidupan dunia dan akhirat. Oleh yang demikian, Allah SWT menyuruh umat manusia menjaga dan mentadbir bumi ini dengan sebaik yang mungkin berlandaskan suruhan dan larangan-Nya. Hal ini menunjukkan bahawa sebuah negara yang bertapak di atas bumi yang nyata ini amat penting bagi semua makhluk Allah SWT di dunia ini khususnya umat manusia. Maka dengan itu, sesebuah negara itu haruslah ditadbir dengan sebaik-baiknya oleh pemimpin-pemimpin dari semua aspek. Untuk melakukan urusan tersebut, pentadbiran sesebuah negara haruslah kepada dua prinsip penting, iaitu:

Menegakkan Keadilan Dan Keamanan Dalam Pentadbiran Negara

Firman Allah SWT (al-Nisa 4 : 135):

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلّٰهِ وَلَوْ عَلَىٰ
أَنْفُسِكُمْ أَوْ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللّٰهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا
فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىَٰ أَن تَعْدِلُوا وَإِن تَلَوْتُمْ أَوْ نَعَرَضُوا فَلِإِنَّ اللّٰهَ كَانَ بِمَا
تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

bermaksud:

Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang sentiasa menegakkan keadilan, menjadi saksi yang menerangkan kebenaran kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu dan sekalipun orang yang didakwa itu kaya ataupun miskin, kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu janganlah kamu turuti hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar belitkan keterangan atau enggan daripada menjadi saksi maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Dalam ayat yang lain (al-Ma'idah 6 : 8) Allah SWT menyebut tentang konsep keadilan yang harus ada pada setiap pemimpin:

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ
شَتَانُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللّٰهَ إِنَّ اللّٰهَ
خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

bermaksud:

Wahai orang yang beriman hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran, dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kerana sikap itu hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah yang Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Allah SWT juga menegaskan bahawa setiap amanah yang telah dipertanggungjawabkan wajib diserahkan kepada mereka yang berhak tanpa memilih kasih, rupa paras, kedudukan, pangkat dan sebagainya. Firman Allah SWT (al-Nisa' 4 : 58):

❖ *إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا*

bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukumnya dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhannya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi melihat.

Terdapat kalangan para ulama mentafsirkan perkataan *al-Hadid* ialah, kekuatan politik dalam sesebuah negara. Golongan yang melakukan kejahatan dan kemaksiatan mereka harus dihukum dengan penuh keadilan sepertimana yang telah disyariatkan mengikut masalah yang ianya dilihat oleh pemimpin sesuai untuk dilaksanakan bagi menjamin keamanan dan keadilan dalam sesebuah negara (al-Mawardi 1989).

Melaksanakan Segala Yang Disyariatkan Oleh Islam

Pelaksanaan segala ibadat yang disyariatkan oleh Islam dalam suasana aman ialah antara ciri utama sebuah negara Islam. Kenyataan tersebut memberi maksud bahawa umat Islam mampu melakukan ibadah *fardu* dan *sunat* secara terbuka seperti solat berjemaah, pengutipan zakat, kebenaran untuk menunaikan haji, solat Jumaat dan seumpamanya tanpa ada rasa takut atau terancam terhadap nyawa, harta dan keluarga mereka. Pihak berkuasa juga perlu mewajibkan rakyatnya mengerjakan semua ibadah *fardu* dan menetapkan hukuman setimpal terhadap golongan yang meninggalkan kewajipan mereka dalam mengerjakan ibadah *fardu*. Firman Allah SWT (al-Hajj 22 : 41):

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

bermaksud:

Orang yang Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi ini, nescaya mereka harus mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh kepada kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran, dan kepada Allah lah segala urusan diserahkan.

Prinsip menegakkan keadilan dan keamanan dalam pentadbiran negara serta melaksanakan segala yang disyariatkan oleh Islam ini perlu ditunjang oleh mana-mana negara Islam. Dua prinsip ini dilaksanakan terhadap semua rakyat dalam negara Islam, sama ada kalangan Muslim mahu pun golongan bukan Islam. Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen sewajarnya turut tidak terkecuali daripada mengamalkan dua prinsip tersebut. Sistem ini dapat dijalankan menerusi peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri. Ini kerana kedua-dua perlembagaan ini adalah bertulis demi menjamin kestabilan sosial dan keamanan komuniti Malaysia seluruhnya (Mohd Izhar Ariff 2008; Ezad Azraai & Mohd Zamro 2006).

PEMBAHAGIAN NEGARA (*AL-DAWLAH*) MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Secara amnya, para ulama telah mengklasifikasikan dan membahagikan negara atau yang lebih dikenali sebagai *al-dar* atau *al-dawlah* kepada tiga bahagian seperti: (1) negara *Islam*; (2) negara *al-harbiyyah*; dan (3) negara *al-‘ahdiyyah*. Manakala *jumhur* fuqaha hanya membahagikan negara kepada dua, iaitu negara Islam dan negara *al-harbiyyah* sahaja (al-Zuhayli 1998). Cuma mereka tidak menafikan mungkin di sana terdapat negara selain daripada dua negara tersebut. Pendapat ini berlandaskan dalil yang dipetik dari firman Allah SWT (al-Nahl 16 : 92):

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن يُضِلُّ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي مَن
يَشَاءُ ۗ وَلَسْتَ لَنَّا عَمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

bermaksud:

Sekiranya Allah menghendaki tentulah Dia akan menjadikan kamu satu umat yang bersatu dalam agama Islam akan tetapi Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakinya sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang dengan apa yang kamu kerjakan.

Sekiranya dilihat kembali, semua pembahagian yang dibawa oleh *jumhur fuqaha* dan para ulama yang lain tidak disebut secara khusus dalam al-Quran mahupun al-Hadith. Namun begitu, para ulama meletakkan pembahagian tersebut berdasarkan praktikal dan realiti penduduk dari zaman berzaman. Ia juga adalah untuk memudahkan para ulama dan umat Islam mengaplikasikan hukum-hukum Islam di sesebuah negara (al-Zuhayli 1998; al-Ashqar 1996).

DEFINISI NEGARA ISLAM

Pengertian negara Islam menurut para ulama secara amnya hampir sama di antara satu dengan yang lain, akan tetapi terdapat antara mereka yang mengecilkan skop dan ciri negara Islam dan terdapat pula yang meluaskan skop pengertian negara Islam.

Definisi Para Ulama Terhadap Negara Islam

Definisi negara Islam jika dilihat daripada apa yang telah ditakrifkan oleh para ulama cukup luas maksudnya. Terdapat pandangan yang memaksimumkan ciri-ciri dan skop negara Islam dan ada juga yang mengecil dan meminimumkan skopnya. Namun itu tidak bermakna umat Islam boleh bertelagah dan bergaduh untuk mengklasifikasikan negara mereka adalah negara Islam yang tulen ataupun sebaliknya. Hal ini adalah kerana umat Islam menerusi para ulama mempunyai cara dan pendekatan untuk *mentarjihkan* mana-mana pendapat yang dirasai sesuai dengan konteks negara masing-masing. Selagi mana definisi negara Islam ini bukan ijmak, ia tetap dikira sebagai masalah *al-ijthadiyyah*.

1. Pentakrifan Ulama Islam

Ibn Hajar (t.th.) membahagikan negara Islam, *al-Dawlah al-Islamiyyah*, kepada tiga komponen penting, iaitu:

1. Tanah yang didiami oleh umat Islam pada asalnya dan dipimpin oleh seorang yang beragama Islam. Sebagai contoh sebagaimana yang berlaku di al-Madinah al-Munawwarah.
2. Tanah yang dibuka oleh umat Islam melalui peperangan atau persefahaman. Pada asalnya tanah itu didiami oleh orang kafir, selepas kemenangan umat Islam dalam peperangan, golongan yang dikira sebagai penduduk asal sebelum ini sanggup dan bersetuju untuk membayar *al-jizyah* kepada umat Islam bagi membolehkan mereka terus tinggal di tanah yang dibuka itu tadi.
3. Negara yang didiami oleh umat Islam dan kemudiannya negara tersebut telah dijajah oleh orang kafir.

Jika terdapat pada mana-mana negara yang memiliki satu daripada tiga komponen di atas, ia boleh dikategorikan sebagai negara Islam (Abdul Halim 1998). Menurut al-Kasani (1986), Imam Abu Hanifah berpendapat sesebuah negara boleh diklasifikasikan sebagai negara bukan Islam apabila terdapat tiga ciri berikut:

1. Hukum bukan Islam dilaksanakan di negeri tersebut seperti amalan riba, arak, judi dan khinzir.
2. Negeri itu tidak mempunyai perhubungan langsung dengan orang Islam, malah dari segi geografi ia terhalang daripada negara Islam. Sekiranya kawasan bukan Islam itu mempunyai hubungan dan dikelilingi oleh kawasan Islam, ia tidak dikategorikan sebagai *Dar-al-Harb*.
3. Tiada seorang Muslim atau *dhimmi* yang hidup dalam keadaan aman sebagaimana keamanan yang dinikmati oleh masyarakat Muslim awal.

Seandainya ketiga-tiga ciri di atas tiada dalam sebuah negara tersebut, negara itu boleh dikategorikan sebagai sebuah negara Islam. Justeru, pandangan mazhab Hanafi berhubung negara Islam dan negara kafir perlu dilihat kepada bentuk praktikal pentadbiran yang diamalkan dalam negara itu. Sekiranya syariat Islam telah dipraktikkan sepenuhnya, ia adalah dikelaskan sebagai sebuah negara Islam. Jika sebaliknya, ia dinamakan sebagai negara kafir yang wajib ke atas umat Islam keluar daripadanya.

Menurut al-Kasani (1986) lagi, Abu Hanifah turut menegaskan bahawa sandaran negara kepada Islam dan kufur bukan kerana ain atau zat Islam dan kufur itu sahaja, tetapi ia perlu dilihat dari aspek keamanan dan ketakutan. Ini bermakna, jika keamanan bagi orang Islam secara mutlak dan ketakutan bagi orang kafir secara mutlak, ia adalah negara Islam. Sekiranya wujud keamanan dalam sesebuah negara bagi orang kafir dan ketakutan bagi orang Islam secara mutlak, ia adalah negara kufur. Peraturan atau hukum itu diasaskan kepada keamanan dan ketakutan, bukannya bergantung kepada Islam atau kufur memandangkan pemakaian kaedah aman dan takut itu lebih baik dan utama. Manakala Ibn Qayyim daripada Mazhab Hambali (1401H) pula berpendapat, kebanyakan para ulama seperti Abu Yusuf al-Hanafi mentakrifkan negara Islam sebagai sebuah negara yang didiami oleh majoriti umat Islam dan seterusnya undang-undang Islam dijalankan. Sekiranya undang-undang Islam tidak dijalankan, negara tersebut bukanlah sebuah negara Islam. Undang-undang Islam di sini memberi maksud semua tuntutan dan kewajipan yang dituntut oleh Islam dapat dilaksanakan. Sementara itu pula, Sa'di (1968) telah menukulkan definisi negara Islam yang telah dinyatakan oleh Imam Shafie mendefinisikan negara Islam sebagai sebuah negara yang telah dikuasai oleh umat Islam seperti Bahgdad dan Basrah, atau sebuah negara yang rakyatnya telah memeluk agama Islam

seperti Madinah dan Mesir, ataupun sebuah negara kafir yang telah dibuka oleh umat Islam secara *al-sulh*. Manakala golongan bukan Islam yang mendiami di negara tersebut boleh terus menetap dengan bersyarat serta perlu menjelaskan bayaran *al-jizyah*.

Al-Shawkani (1985) pula berpendapat, sebuah negara Islam dapat dikenali sekiranya semua arahan dan larangan syariat Islam dapat dilaksanakan dengan berleluasa. Manakala golongan bukan Islam yang berada di negara itu tidak mampu melaksanakan urusan keagamaan mereka kecuali dengan izin pemimpin tertinggi negara. Al-Sarakhsi (1989) pula telah mengambil pendapat Imam Abu Hanifah yang mengklasifikasikan negara Islam sebagai sebuah negara yang umat Islam di dalamnya merasa aman untuk beribadah kepada Allah SWT dan melakukan semua aktiviti keagamaan yang berkaitan dengan Islam. Sebaliknya, jika umat Islam tidak merasa aman untuk melakukan ibadah dan aktiviti agama Islam, negara tersebut tidak boleh dinamakan sebagai negara Islam, bahkan ia dikategorikan sebagai negara *al-harbi* (negara kafir). Pandangan ini dipersetujui oleh ramai ulama kontemporari, antaranya ialah seperti Muhammad Abu Zahrah (1995), Yusuf al-Qardawi (2002) dan al-Zuhayli (1998). Mazhab Shafie pula menegaskan sebuah negara Islam itu mestilah memiliki sebahagian daripada ciri-ciri negara Islam seperti berikut:

1. Undang-undang Islam dilaksanakan sepenuhnya dalam negara Islam tersebut.
2. Umat Islam bebas melaksanakan segala tuntutan syariat tanpa sebarang larangan daripada pihak berkuasa.
3. Pemimpin negara itu mestilah terdiri daripada orang yang beragama Islam.

Jika sebahagian besar daripada ciri-ciri di atas terdapat dalam sesebuah negara, negara tersebut boleh diklasifikasikan sebagai negara Islam.

Selain itu, Ibn 'Abidin (1966) yang bermazhab Hanafi turut menambah dan mengulas pandangan mazhab Shafie itu bahawa sebuah negara kafir akan berubah sifatnya kepada sebuah negara Islam sekiranya hukum-hukum Islam berjaya dilaksanakan di dalamnya seperti kebebasan menunaikan ibadat solat lima waktu, solat Jumaat dan solat sunat hari raya. Semua perkara tersebut dapat dilaksanakan oleh umat Islam dengan bebas dan aman. Sebuah negara boleh dinisbahkan kepada pengaruh, penguasaan dan orang yang menerajui negara tersebut. Sekiranya sebuah negara itu dipengaruhi dan dipimpin oleh orang Islam, negara tersebut ialah sebuah negara Islam. Sebuah negara juga akan diiktiraf sebagai negara Islam sekiranya ia dikuasai oleh undang-undang Islam. Dengan demikian, jikalau ia dikuasai oleh undang-undang yang bercanggah

dengan Islam, ia tidak boleh diiktiraf sebagai sebuah negara Islam yang tulen (al-Maqdisi 1971). Namun demikian, al-Nabhani (1980) berpendapat sesebuah negara Islam perlu memenuhi dua perkara, iaitu pelaksanaan undang-undang Islam seperti hudud serta aspek keamanan yang perlu dinikmati oleh semua umat Islam dan *ahl al-dhimmah* yang berada dalam negara tersebut. Sekiranya satu daripada dua perkara ini atau kedua-duanya tidak dapat dilaksanakan, negara itu tidak boleh dikategorikan sebagai negara Islam.

2. Pengklasifikasian Ulama Kontemporari

Al-Zuhayli (1998) menyatakan negara Islam ialah semua negara yang berada di bawah pimpinan atau Sultan yang beragama Islam, manakala undang-undang Islam dan syariat Islam juga perlu dilaksanakan dengan baik dan teratur. Semua umat Islam di dalamnya, khususnya pemimpin-pemimpin negara, perlu (*al-wajib al-kifa'i*) mempertahankan negara dan syariat Islam sedaya yang termampu. Sekiranya tiada seorang pun yang berani mempertahankan negara mereka, semua umat Islam yang berada di dalamnya adalah berdosa. Sebagai contoh, Palestin dikira sebagai negara Islam walaupun ia ketika ini sedang dijajah oleh pihak Yahudi Zionis. Oleh yang demikian, semua umat Islam di Palestin dan di negara Islam lain perlu berusaha untuk menyelamatkan negara tersebut daripada dijajah oleh kezaliman mereka. Menurut al-Zuhayli (1998) lagi, negara Islam juga boleh dikatakan sebagai negara Arab dan negara yang telah dibuka oleh umat Islam sebelum ini, dan ia didiami oleh golongan umat Islam yang menegakkan syariat dan undang-undang Islam dalam pentadbiran dan kehidupan mereka. Selain itu, nama lain yang sinonim bagi negara Islam ialah *al-dawlah al-'adilah*. Istilah ini memberi pengertian bahawa negara itu perlu menegakkan keadilan dalam pentadbirannya dan dasar ini dijadikan sebagai prinsip terpenting dalam pemerintahan sebuah negara Islam.

'Uthman (1985) mentakrifkan negara Islam sebagai sebuah negara yang berada di bawah naungan dan pemerintahan sultan atau ketua negara yang beragama Islam. Pada masa yang sama, undang-undang Islam perlu dilaksanakan di dalam negara tersebut, termasuk hukuman hudud. Qutb (1994) pula mengklasifikasikan negara Islam sebagai sebuah negara yang melaksanakan undang-undang Islam secara mutlak, sama ada rakyat negara tersebut semuanya beragama Islam atau pun terdapat golongan bukan Islam di dalamnya. Manakala Abu Zahrah (1995) menegaskan bahawa negara Islam mestilah negara yang keselamatan dan keamanannya berpihak kepada umat Islam dan golongan *ahl al-dhimmah*. Hal yang sama dinyatakan oleh 'Awdah (1402H), negara Islam ialah negara yang diperintah oleh umat Islam, di samping syariat dan undang-undang Islam dapat dilaksanakan dengan aman dan bebas tanpa sebarang tekanan. Al-Buti (1999) pula tidak terkecuali berpendapat bahawa negara Islam perlu ditadbir oleh umat Islam kerana dengan itu, syariat akan dilaksanakan dan syiar Islam tersebar ke seluruh alam buana. Zaydan (1396H) lebih cenderung terhadap pandangan

yang menganggap negara Islam mestilah diperintah oleh umat Islam, kerana dengannya syariat dan undang-undang Islam akan dilaksanakan di dalam negara tersebut mengikut kebijaksanaan pemimpin.

Berasaskan penjelasan dan pengklasifikasian para ulama di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pentakrifan dan ciri-ciri negara Islam ialah perkara yang tidak disepakati oleh para ulama silam dan moden. Di samping itu juga, kalangan fuqaha juga bersependapat bahawa tiada nas-nas *qat'i* yang membincangkan secara khusus mengenai negara Islam sebenar. Namun begitu, ciri-ciri negara Islam yang diutarakan oleh kalangan ulama ini tidak jauh berbeza, kerana terdapat sebahagian ciri yang disepakati dan sebahagian ciri yang tidak disepakati. Berteraskan definisi yang dikemukakan oleh para ulama silam dan moden sebagaimana kupasan sebelum ini, dapatlah disimpulkan ciri-ciri maksimum bagi sebuah negara Islam (Mohd Izhar Ariff 2008), iaitu:

1. Melaksanakan syariat dan syiar Islam dengan aman dan bebas.
2. *Al-Imam* atau pemerintah tergolong daripada kalangan umat Islam.
3. Keselamatan dan keamanan berpihak kepada umat Islam.
4. Undang-undang Islam dilaksanakan secara mutlak.

Perkara (1) dan (2) yang dinyatakan oleh para ulama di atas adalah titik persepakatan antara ulama kontemporari dan ulama silam. Manakala perkara (3) dan (4) merupakan titik perselisihan antara ulama dua zaman tersebut, kerana terdapat dalam kalangan mereka yang menyebut, dan sebahagian yang lain pula tidak menyebutnya. Justeru, permasalahan ini merupakan perkara *ijtihad* dan umat Islam mempunyai ruang yang luas untuk memilih pendapat yang paling sesuai dan bertepatan dengan keperluan dan kepentingan negara masing-masing.

Kajian ini mendapati negara Islam ialah sebuah negara yang diduduki oleh kebanyakan umat Islam atau majoritinya merupakan umat Islam, walaupun terdapat golongan bukan Islam yang bernaung di bawah kepimpinan Ketua Negara yang beragama Islam. Pendapat Abu Zahrah (1995), al-Qardawi (2002), al-Buti (1999), al-Zuhayli (1998), Hamid (1992) dan Ahmad (1999) merupakan pendapat yang paling sesuai untuk diguna pakai dalam situasi negara majmuk seperti Malaysia yang bersifat berbilang kaum dan agama. Namun tanpa dinafikan dalam masa yang sama bahawa Ketua Negara wajib mencari jalan dan sentiasa berusaha untuk menjalankan undang-undang Islam secara holistik. Namun tidak dinafikan bahawa pelaksanaan undang-undang hudud secara menyeluruh dengan penuh keadilan perlu dirancang dan direncanakan demi memenuhi ciri dan tuntutan maksimum bagi sebuah negara Islam.

Manakala ciri-ciri minimum yang perlu terdapat dalam sebuah negara Islam ialah seperti berikut (Mohd Izhar Ariff 2008):

1. Perlu didiami oleh majoriti umat Islam.
2. Ketua Negara dan timbalannya adalah beragama Islam.
3. Pentadbiran negara perlu dikuasai oleh umat Islam.
4. Syariat Islam bebas dilaksanakan oleh umat Islam dengan penuh keamanan.
5. Umat Islam berasa aman sejahtera bila berada di dalam negara tersebut.

NEGARA AL-HARBIYYAH

Negara ini juga dinamakan sebagai negara *kuffar*. Kedua-dua istilah ini dinisbahkan kepada sebuah negara yang pemerintahannya tidak berlandaskan syariat Islam serta tidak juga dipimpin oleh orang Islam. Para ulama tidak banyak bercanggah pendapat dalam mendefinisikan *al-dawlah al-harbiyyah* atau negara *al-kuffar*. Pandangan mereka terhadap *al-dawlah al-harbiyyah* seakan-akan sama, antaranya seperti berikut:

1. Abu Yusuf Muhammad b. Hassan al-Hanafi menyatakan *al-dawlah al-harbiyyah* ialah sebuah negara yang mengamalkan undang-undang *kuffar* secara jelas dan sekali gus menolak undang-undang Islam (al-Kasani 1402H).
2. Mazhab al-Hanbali mendefinisikannya sebagai negara yang banyak mengamalkan sistem undang-undang *kuffar* (al-Mardawi 1989).
3. Ismail (1995) mendefinisikan *al-dawlah al-harbiyyah* sebagai negara yang didiami oleh golongan bukan Islam dan dipimpin oleh golongan mereka, sekali gus mengamalkan sistem pentadbiran yang tidak selari dengan ajaran Islam. Di dalam negara tersebut, tiada seorang pun orang Islam yang mengerjakan ibadah dan tuntutan Islam, sama ada secara tersembunyi mahu pun terang-terangan.

Kesimpulan definisi di atas menjelaskan *al-dawlah al-harbiyyah* ialah sebuah negara yang dipimpin oleh orang kafir yang bukan beragama Islam, di samping mengamalkan sistem dan perundangan bukan Islam dalam pentadbiran negara yang dipimpinnya. Oleh yang demikian, ini menunjukkan setiap negara yang dipimpin oleh golongan bukan Islam, tidak boleh dikategorikan sebagai negara Islam.

NEGARA AL-‘AHDIIYAH

Dari sudut bahasa, *al-‘ahdiyyah* berasal daripada perkataan Arab, *‘ahadayu‘ahidu-mu‘ahadah*, yang bermaksud perjanjian diplomatik (*al-Munjid fi al-Lughah wa al-‘Alam* 1987). Adapun dari sudut istilah pula, terdapat beberapa definisi yang telah diberi oleh para ulama, antaranya seperti berikut:

1. Al-Tariqi (1414H): sebuah negara yang membuat perjanjian damai dengan negara Islam, sama ada dengan cara *mu‘ahadah* atau dengan cara persetujuan damai, sekali gus memohon agar mereka terus tinggal di negara tersebut.
2. Al-Zuhayli (1998): sebuah negara yang penduduk Islam di dalamnya terlalu minoriti atau tiada langsung, masyarakatnya telah bersetuju untuk berdamai dan membayar cukai tanah atau *al-kharaj* kepada umat Islam, tanpa mengambil *al-jizyah* daripada mereka. Ini kerana negara yang didiami bukanlah sebuah negara Islam dan mereka juga bukannya berada di dalam pemerintahan negara Islam.
3. Mazhab Shafie dan Hanbali: ia bukan sebahagian daripada negara Islam mahu pun *al-dawlah al-harbiyyah* (al-Tariqi 1414H; al-Mawdui 1969). Rakyat negara tersebut wajib membayar *al-kharaj* (cukai tanah) kepada pemimpin negara Islam yang menjamin keamanan untuk mereka.
4. *Jumhur* fuqaha berpendapat negara *al-‘ahdiyyah* ialah sebahagian daripada negara Islam. Ini kerana rakyat negara tersebut telah mendapat janji keamanan (*al-sulh*) daripada negara Islam, dan ini sekaligus mereka dikira sebagai *ahl al-dhimmah* yang wajib membayar *al-jizyah* kepada negara Islam (al-Zuhayli 1998).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa rakyat yang berada di dalam negara tersebut wajib membayar cukai tanah yang dikenali sebagai *al-kharaj*. *Al-Kharaj* ialah merupakan cukai tanah yang diwajibkan kepada orang kafir yang berada di bawah perlindungan pemimpin dan negara Islam dan pengambilan *al-kharaj* adalah mengikut ketetapan ijtihad para *mujtahid* yang muktabar. Manakala sistem pengutipan *al-kharaj* dikutip daripada penduduk dalam dua keadaan yang berbeza (al-Mawardi 1989):

1. Diambil daripada rakyat yang tergolong daripada umat Islam dan juga ahl al-dhimmah. Hal ini berlaku apabila sebuah negara itu telah dikosongkan oleh penduduknya (ahl al-kuffar) akibat diserang atau dimasuki oleh tentera Islam. Oleh kerana mereka tidak mampu untuk melawan kekuatan umat Islam, mereka telah keluar dan mengosongkan negara tersebut. Dengan demikian, umat Islam mengambil alih tanah dan pemerintahan negara yang telah dikosongkan sebelum ini. Dalam hal ini, penduduk Islam atau kafir *dhimmi* yang tinggal atau mastautin di dalamnya perlu dikenakan cukai yang lebih dikenali sebagai *al-Kharaj*.

2. Diambil daripada orang kafir yang bersetuju untuk berdamai dengan kerajaan Islam serta ingin terus kekal menetap di dalam negara asal mereka tanpa mengosongkan atau keluar daripadanya.

Dari sudut pembayaran cukai *al-kharaj* pula, ia terbahagi kepada dua situasi berikut:

1. Pembayaran secara mutlak. Ia berlaku apabila penduduk *kuffar* melepaskan segala hak pemilikan mereka kepada pemerintah Islam, sekali gus harta-harta tersebut menjadi harta wakaf yang perlu dipelihara oleh pemerintah tanpa dijual ataupun dimiliki oleh mana-mana pihak. Dalam keadaan ini, mereka wajib membayar cukai kepada pemerintah sampai bila-bila, walau selepas mereka menganut agama Islam.
2. Pembayaran secara *mu'aqat*. Hal ini berlaku apabila penduduk asal (*ahl al-kuffar*) negara *al-'ahdiyyah* bersetuju untuk berdamai dan memberi ketaatan kepada arahan-arahan pemerintah Islam dengan membayar cukai. Mereka juga bersetuju untuk terus menjadi pemilik tunggal kepada semua hak milik peribadi mereka tanpa menyerahkannya kepada pemerintah Islam. Dalam situasi seperti ini, mereka hanya wajib membayar *al-kharaj* kepada negara Islam atau pemimpinnya, selagi mana mereka beragama selain daripada agama Islam. Sekiranya mereka memeluk agama Islam, mereka tidak lagi perlu membayar *al-kharaj* sepertimana sebelum ini.

KESIMPULAN

Dari sudut pengertian *al-dawlah* menurut *al-Siyasah al-Shar'iyah*, terdapat tiga jenis *al-dawlah*, iaitu *al-dawlah al-Islamiyyah*, *al-harbiyyah* dan *al-'ahdiyyah*. Setelah definisi dan ciri-ciri *al-dawlah al-Islamiyyah* diteliti secara mendalam, kajian ini mendapati Malaysia memiliki ciri minimum bagi sebuah negara Islam sebagaimana yang telah dibahas dan dicerakinkan oleh para ulama silam dan moden. Oleh yang demikian, dapatlah dijelaskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum menepati ciri minimum bagi sebuah negara Islam. Mahupun begitu, Malaysia tidak boleh kekal dengan tahap itu sahaja, akan tetapi usaha-usaha ke arah penambahbaikan untuk mencapai tahap dan ciri maksimum sebuah negara Islam yang sebenar perlu terus digiat dan direncanakan oleh Kerajaan Malaysia. Menerusi ciri minimum sebuah negara Islam, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen perlu mengiktiraf hak-hak golongan bukan Islam dari banyak aspek seperti hak kebebasan mendirikan rumah ibadat, beragama, berpolitik dan juga bersosial, selagi mana hak-hak tersebut tidak menindas umat Islam serta membawa kemudaratannya untuk negara. Kajian lanjutan daripada kupasan ini boleh dilakukan dengan membincangkan hukum terperinci berhubung

penglibatan pihak bukan Islam dalam sebuah pemerintahan negara Islam. Dengan demikian, kerjasama kalangan Muslim dan bukan Islam perlu diteliti secara holistik dalam menjamin keharmonian dan perpaduan masyarakat dalam sebuah negara, demi menjamin kestabilan dan keamanan dalam pembangunan sebuah negara Islam berdaulat.

RUJUKAN

- Abdul Halim el-Muhammady. 1998. *Undang-undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-negeri*. Bangi: Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Zahrah, Muhammad. 1995. *al-‘Alaqah al-Duwaliyyah fi al-Islam*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1999. Prinsip-prinsip Perlembagaan Islam dan Perlembagaan Malaysia. Dlm. Abdul Monir Yaacob (pnyt.). *Prinsip-prinsip Pemerintahan dalam masyarakat majmuk*, hlm. 145-171. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- al-Ashqar, Muhammad Sulayman b. ‘Abd Allah. 1996. *Zubdat al-Tafsir min al-Fath al-Qadir*. Bayrut: Dar al-Mu‘ayyid li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- al-Ba‘albakki, Ruhi. 1988. *al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary*. Bayrut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.
- al-Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan. 1999. *al-Jihad fi al-Islam*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir.
- ‘Awdah, ‘Abd al-Qadir. 1402H. *al-Tashri‘ al-Jina‘i al-Islami Muqaranan Bayn al-Qanun al-Wad‘i*. Tehran: Mu‘assasat al-Bi‘thah.
- Ezad Azraai Jamsari & Mohd. Zamro Muda. 2006. Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri sebagai Sumber Undang-undang di Malaysia: Satu Perspektif Sejarah. Dlm. Mohammad Zaini Yahya, Abdul Basir Mohamad & Mohd. Nasran Mohamad (pnyt.). *Isu Syariah dan Undang-undang*, hlm. 122-137. Siri 15. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamid Jusoh. 1992. *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia. Suatu Rujukan Khas terhadap Kes-kes Konversi dalam Undang-undang Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ibn ‘Abidin. 1966. *Hashiyyat Radd al-Mukhtar*. al-Qahirah: Maktabat ‘Isa al-Babi al-Halabi.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad b. Abi Bakr. 1401H. *Ahkam Ahl al-Dhimmah*. Tahqiq. Salih, Subhi. al-Qahirah: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, Ahmad b. ‘Ali. t.th. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. al-Qahirah: Maktabat Misr.
- Ismail Lutfi. 1995. *Ikhtilaf al-Darayn wa Atahruhu fi Ahkam al-Munakahat wa al-Mu‘amalat*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Kasani, Abu Bakr b. Mas‘ud. 1402H. *Bada’i‘ al-Sana’i‘*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Arabi.
- al-Maqdisi, Muhammad b. al-Muflih. 1971. *al-Adab al-Shar‘iyyah wa al-Minah al-Mar‘iyyah*. Riyad: Maktabat al-Riyad al-Hadithah.
- al-Mardawi, ‘Ali b. Sulayman. 1989. *al-Asnaf fi Ma‘rifat al-Rajih min al-Khilaf*. Dimashq: Dar al-Basha’ir.
- al-Mawardi, ‘Ali b. Muhammad. 1989. *al-Ahkam al-Sultaniyyah fi al-Wilayat al-Diniyyah*. al-Kuwayt: Maktabat Ibn Taymiyyah.
- al-Mawdudi, Abu al-‘Ala’ Muhammad b. al-Husayn. 1969. *Nazariyyat al-Islam wa Hadyihi fi al-Siyasah wa al-Qanun wa al-Dustur*. Bayrut: Mu’assasat al-Risalah.
- Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2008. Penglibatan Bukan Islam dalam Pentadbiran dan Jawatan Tertinggi di Malaysia. Disertasi Sarjana. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad, ‘Abd al-Qadir. 1986. *al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*. ‘Amman: Dar al-Furqan.
- al-Munjid fi al-Lughah wa al-A‘lam*. 1987. Ed. ke-34. Bayrut: Dar al-Mashriqiyyah.
- al-Nabhani, Taqi al-Din. 1980. *al-Shakhsiyyah al-Islamiyyah*. Bayrut: Dar al-Basha’ir.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2002. *Fiqh al-Dawlah fi al-Islam*. Bayrut: Dar al-Qalam.

- Qutb, Sayyid. 1994. *Fi Zilal al-Qur'an*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Sa'di, Abu Jayb. 1968. *al-Qamus al-Fiqahi Lughatan wa al-Istilahani*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-Sarakhsi, Muhammad b. Ahmad. 1989. *al-Mabsut*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Shawkani, Muhammad b. 'Ali. 1985. *Sayl al-Jarrar al-Muntafaq 'ala al-Hada'iq al-Azhar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tariqi, 'Abd Allah b. Ibrahim. 1414H. *al-Isti'anah bi Ghayr al-Muslimin fi al-Fiqah al-Islami*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tariqi, 'Abd Allah b. Ibrahim. 1994. *al-Isti'anah bi Ghayr al-Muslimin fi al-Fiqah al-Islami*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Uthman, Abd al-Karim. 1985. *Ma'alim al-Thaqafah al-Islamiyyah*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 1396H. *Ahkam al-Dhimmiyyin wa al-Musta'minin*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1998. *Tafsir al-Munir*. Dimashq: Dar al-Fikr.

